

# BAB I

## PENDAHULUAN

### A. Latar Belakang Masalah

#### 1. Bandaraya Kuching

Kuching (Masa zaman kesultanan Brunei dipanggil dengan nama Sarawak) merupakan bandar pelabuhan semenjak pemerintahan dinasti Brooke. Terdapat pelbagai sumber yang mengatakan asal nama Kuching. Paling tidak ada tiga maklumat yang berbeza tentang asal nama Kuching tersebut. Maklumat yang pertama ialah berhubungan dengan binatang iaitu kucing yang sering berkeliaran di sepanjang sungai Sarawak. Maka daripada binatang kucing ini lahirlah nama Kuching. Maklumat yang kedua ialah berdasarkan kajian historis iaitu pada tahun 1839, Rajah Pertama Sarawak, James Brooke telah memanggil Kuching dengan *Kuchin*. Ini bersesuaian dengan panggilan *Cochin* iaitu panggilan pelabuhan seperti di India dan Indo China. Maklumat yang terakhir ialah pada tahun 1870-an sungai Kuching yang mengalir melalui sebuah bukit yang ditumbuhi oleh pokok buah Mata Kuching (*Nephelium Malainese*). Pada tahun 1876, secara resmi menggunakan nama Kuching.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Maklumat ini diambil dari Muzium Kucing Dewan Bandaraya Kuching Utara yang dipetik dari beberapa dokumen abad ke 19.

Sejarah Sarawak sebelum era Brooke pada hakikatnya merupakan sejarah Brunei. Catatan awal mengenai Brunei dalam abad ke-16 menyebut tentang sebuah kerajaan yang kuat dan hanya meliputi kawasan Sarawak di barat hingga ke Manila sebelah utara.<sup>2</sup> Ini bermaksud Sarawak suatu ketika dulu adalah di bawah taklukan Kesultanan Brunei. Pada ketika itu (abad ke-16), Brunei merupakan sebuah kerajaan yang kaya dan gagah. Wilayah yang ditaklukinya meliputi hampir seluruh negeri Sarawak. Ini kerana sebelum 14 September 1841, Sarawak merupakan salah sebuah daripada wilayah Kesultanan Brunei. Sejak awal kurun masehi yang ke-19, didapati Sarawak telah kembali masuk di bawah pemerintahan Sultan Brunei.<sup>3</sup>

Hampir seabad setengah yang lampau, Kuching dulu dikenali sebagai Sarawak. Penyerahan Sarawak oleh Raja Muda Hashim kepada James Brooke adalah sebagai hadiah menghapuskan gerakan anarkis daripada penduduk lokal adalah wilayah Sarawak (Kuching yang sekarang ini).<sup>4</sup> Dalam tahun 1841, kawasan Sarawak mencakupi wilayah dari Tanjung Datu ke Sungai Samarahan.

Kuching menjadi bandar pelabuhan yang terkenal semasa dikuasai oleh keluarga Brooke. Berbagai premis perdagangan

<sup>2</sup> Hellef, H., *Sketches of The History of Brunei*, JAMBRAS, 1940, hal 8

<sup>3</sup> Buyong Adil, *Sejarah Sarawak*, (Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1981), hal 9

<sup>4</sup> Wilayah Sarawak sekarang ini mencakupi beberapa wilayah yang dikuasai oleh Brunei ketika dulu, kemudian diambil oleh pemerintah British sedikit demi sedikit atas kelemahan Empayar Kerajaan Brunei ketika itu.

antarabangsa telah dibina sesuai dengan permintaan semasa. Semasa Charles Brooke, Rajah Kedua memerintah yang menggantikan James Brooke, premis perdagangan yang semulanya dibina dengan papan ditukarkan kepada batu bata. Rekonstruksi semula premis tersebut juga berhubungan dengan kebakaran yang telah terjadi di Jalan Carpenter. Infrastruktur dan prasarana lain turut dibina seperti jalan raya, jalan beca dan jalan keretapi. Tempat hiburan juga turut dibina yang sehingga sekarang ini masih kekal seperti Sarawak House<sup>5</sup>. Pembangunan terus djalankan oleh penganti Charle Brooke iaitu Charles Vyner Brooke, sebagai Rajah ketiga yang memerintah sekitar 1917-1941.<sup>6</sup> Pemerintahan keluarga Brooke ini berakhir ketika mana kedatangan Jepun di wilayah Nusantara ini.<sup>7</sup>

Pasca pemerintahan Jepun, Sarawak diambil semula oleh kuasa British melalui perundingan.<sup>8</sup> Menurut sumber lokal bahawa perundingan ini tidak mendapat restu daripada penduduk lokal sehingga terjadinya Gerakan Anti Penyerahan yang diterajui oleh beberapa orang elit Melayu seperti Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.<sup>9</sup> Beliau meletak jawatan dalam Majlis Tertinggi Negeri dan bangun

<sup>5</sup> Berdekatan dengan Dewan Syuarah Kuching

<sup>6</sup> Robert Reece, *The Namae of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1992), hal. 72

<sup>7</sup> Dewan Bandaraya Kuching Utara, *Kuching ke Era Pembangunan* (Kuching: Dewan Bandaraya Kuching Utara, tt), hal. 4

<sup>8</sup> Buyong bin Adil, *Op. Cit.*, hal. 81

<sup>9</sup> Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, (Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka), hal. 5

menentang pemerintah British di bawah suatu wadah perjuangan bangsa Melayu yang dinamakan Persatuan Melayu Sarawak.

Penyertaan Sarawak dalam sebuah gagasan yang dicetuskan oleh Tunku Abdul Rahman iaitu penubuhan Malaysia telah sedikit sebanyak membawa perubahan yang mendadak bagi Sarawak. Pemilihan Kuching sebagai ibu negeri, membawa perubahan yang drastik terutama dalam bidang perekonomian. Ekonomi menjadi faktor yang dominan dalam membawa perubahan besar terhadap wajah Kuching. Dalam aspek sosio budaya terjadinya proses migrasi daripada beberapa wilayah luar Kuching ke Kuching. Pelbagai ragam etnik tinggal di Kuching hasil daripada proses migrasi lokal. Menurut sumber anggaran penduduk pada tahun 1988, tercatat 300 000 orang yang tinggal di Kuching yang didiami oleh pelbagai etnik Sarawak.<sup>10</sup>

Sebagai ibu negeri, Kuching menjadi pusat pentadbiran politik di mana bangunan kerajaan negeri dan pusat dibina di beberapa kawasan. Pada masa ini bangunan kerajaan banyak tertumpu di wilayah Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS). Pada masa yang akan datang, kawasan Petra Jaya telah dipilih sebagai kawasan bangunan kerajaan Pusat dan Negeri. Ia terletak di kawasan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU). Kuching dinaiktarafkan dari Majlis Pembandaran menjadi Bandaraya setelah melepassi syarat kelayakan

yang ditentukan. Maka pada 1 Ogos 1988, setelah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong melalui surat Pengurniaan Taraf Bandaraya kepada Majlis Perbandaran Kuching dan Petra Jaya, Kuching diangkat menjadi Bandaraya dengan dua pentadbiran yang berbeza iaitu Majlis Perbandaran Kuching (MPK) menjadi Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dan Majlis Luar Bandar Kuching (MLBK) yang terletak di kawasan Petra Jaya menjadi Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).<sup>11</sup>

## **2. Pendidikan**

Pendidikan merupakan elemen terpenting dalam kehidupan manusia, baik pendidikan bersifat formal maupun informal. Kedua-duanya mempunyai hala tujuan yang sama berdasarkan matlamat masing-masing. Pendidikan, kalau menurut pendapat Prof. Dr. Hassan Langulung ada tiga persepsi iaitu persepsi individu, persepsi masyarakat dan persepsi individu dan masyarakat sebagai sebuah interaksi.<sup>12</sup>

Persepsi menurut individu adalah kemampuan dan kebolehan (*ability*) seseorang. Seperti halnya dalam penglihatan, semua orang mampu dalam melakukan penglihatan tapi sebaik mana penglihatan

<sup>10</sup> *Ibid.*, hal. 19

<sup>11</sup> Lihat Surat Pengurniaan Taraf Bandaraya di halaman lampiran.

<sup>12</sup> Hassan Langulung, *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), hal 2

tersebut berdasarkan kelebihan dan kemampuan individu masing-masing. Jadi dalam proses pendidikan, maka ia sebagai wadah untuk mengembangkan dari apa yang ada kepada yang lebih lagi. Persepsi masyarakat mengatakan setiap manusia memiliki kebolehan semulajadi tapi dalam kajian terhadap anak kecil bahawa tidak semua mereka mampu mencapai tanpa mengalami satu proses yang dinamakan pendidikan.

Di sini ditekankan pendidikan sebagai suatu proses memindah sebuah konsep ke dalam kerangka pemikiran seseorang dan hanya kemampuan dan kebolehan dapat menjangkau sejauh yang mungkin. Persepsi yang ketiga pula ialah interaksi individu dan masyarakat. Peranan pendidikan ialah sebagai sebuah interaksi dalam memberi dan menerima sesuatu idea atau konsep baik daripada manusia maupun alam.<sup>13</sup>

Untuk mampu mencapai segala apa yang dihajati oleh elemen pendidikan, maka ada alat yang diperlukan sebagai jambatan untuk menyemberangi dalam hubungan pemahaman sebuah konsep atau idea. Oleh itu, diperlukan pihak ketiga sebagai wadah untuk mencapainya. Timbul suatu cara ataupun dikenali sebagai metodologi. Metodologi merupakan alat atau instrumen yang begitu signifikan sekali

---

<sup>13</sup> *Ibid.*, hal 3-6

dalam pendidikan. Tanpa ia sebagai sebuah alat untuk mencapai matlamat pendidikan, keberhasilan tidak pada tahap maksimum.

Pengalihan tentang tamadun manusia sering mengarah kepada hasil budaya manusia dalam konteks zaman dan perkembangannya. Kalau Groves dan Moore (1941) memberikan makna kata tamadun sebagai sejumlah alat-alat atau perkakas-perkakas mental dan material yang digunakan oleh sekumpulan manusia dalam usaha memenuhi keperluan hidup. Di sini mereka tidak membezakan antara budaya material dan non material sebagaimana ramai pakar yang mengatakan terdapat perbezaan di antara kedua-duanya. Perkakas- perkakas mental itu boleh dikatakan sebagai konsep yang diciptakan manusia sesuai dengan perkembangan evolusi dan keperluan manusia untuk membentuk kebudayaan material hasil produksi manusia untuk memenuhi ruang dan keperluan manusia. Proses perubahan membawa kepada tamadun yang lebih maju sebelum itu. Semakin tinggi permintaan dan kehendak manusia maka tercipta suatu konsep dan membentuk budaya material tersebut.<sup>14</sup>

Tamadun Islam merupakan hasil dari karya manusia yang bergelar Muslim sama ada ia mengikut dogma religi mahupun mengekalkan tradisi lama yang tidak bertentangan dengan ajaran

---

<sup>14</sup> Hazil Abdul Hamid, *Sosiologi Pendidikan dalam Perspektif Pembangunan Negara*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hal. 15

ketauhidan. Alat-alat mental itu harus bersetujuan dengan konsep Islam. Eksistensi ajaran Islam baik yang bersifat dogma mahupun asimilasi budaya tempatan banyak mendominasi nilai-nilai yang terdapat dalam Tamadun Islam.

Kajian metodologi pendidikan Tamadun Islam ini, berusaha seoptima yang mungkin untuk mencari metode yang sesuai untuk memahami Tamadun Islam dalam pendekatan multi-disiplin.

## B. Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah

### 1. Pengertian Tajuk

Pengertian judul di atas dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- a. Makna dari segi bahasa.

Metodologi adalah berasal dari dua patah perkataan iaitu *Method* dan *Logos*. Merujuk kepada kamus dwibahasa *Oxford*, *method* bermakna cara, kaedah atau prosedur. Kalau *Logos* pula bermaksud ilmu atau juga teori<sup>15</sup>.

---

<sup>15</sup> Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, (Shah Alam: Fajar Bakti, 1997, ed. 2), hal 244

Kata Pendidikan, di dalam bahasa Inggeris dipanggil *Education*, yang bermaksud pengajaran, pengasuhan, latihan dan pelajaran. Makna dalam bahasa Arab ialah *Al Tarbiyah*.

Kata Tamadun ia berhubung kait dengan dua kata dalam Bahasa Inggeris iaitu *Civilization* atau *Civilisation* dan *Culture*. Menurut Kamus Collin, *Civilization* bererti:

*"Human society that has highly developed material and spiritual resources and a complex cultural, political and legal organisation; an advanced state in social development....The total culture and way of life of a particular people, nation, region, or period; classical civilization"*<sup>16</sup>

Dari dua definisi tersebut di atas boleh dimaksudkan sebagai tamadun dalam dua konsep pemahaman iaitu budaya material dan budaya non material yang dilahirkan oleh manusia. Ada sebuah konsep yang membentuk budaya material dan ada juga yang membentuk sebuah pemikiran yang menjadi aturan, budaya, tradisi dan sebagainya yang boleh disebut sebagai budaya non material. Maksud di atas mirip kepada apa yang diertikan oleh Groves dan Moore (1941) juga.

*Culture* bermaksud iaitu:

*"The total of the inherited ideas, beliefs, values and knowledge, which constitute the shared bases*

---

<sup>16</sup>*Collin Dictionary*, (London: Collin ELT, 1985) hal. 245

*of social action.... The total range of activities and idea of group of people with share traditions, which are transmitted and reinforced by members of the group.”<sup>17</sup>*

Dari definisi di atas melihat bahawa tamadun adalah bersifat non material dan abstrak atau yang lebih tepatnya sebuah konsep, kepercayaan, nilai, norma dan sebagainya sesebuah masyarakat. Menurut Usman El Muhammadi mengatakan bahawa terlalu sukar untuk mengatakan agama adalah sebahagian daripada ruang lingkup tamadun kerana dogma daripada agama itu yang mempengaruhi tamadun manusia bukannya dipengaruhi. Ini ada hubungannya dengan agama yang berdasarkan ketuhanan (agama Masehi) bukan agama yang lahir daripada hasil pengalaman manusia seperti Hindu, Budha, Kepercayaan dan sebagainya.<sup>18</sup>

#### b. Makna dari istilah.

Dari sudut istilah, Metodologi Pendidikan Tamadun Islam ialah kaedah pengajaran dalam bidang Tamadun Islam. Bagaimana pendidik dapat memberikan kefahaman terhadap para pelajar dalam proses memahami Tamadun Islam. Ia bukan sekadar melihat dari elemen pengajar saja malah melihat daripada pelajar dalam memahami pendidikan

<sup>17</sup>Hazil, *Op. Cit.*, hal.. 25

Tamadun Islam baik di kelas mahupun di luar kelas yang banyak dipengaruhi oleh persekitaran (lingkungan).

Tamadun mempunyai hubungan rapat dengan ilmu sejarah kerana ia pendukung utama dalam memahami persoalan tamadun. Sebab itulah tamadun tidak dapat berdiri dengan sendirinya tanpa dibantu oleh ilmu bantu lain seperti sejarah, ilmu sosial, antropologi dan sebagainya.

Tamadun mampu membentuk kekuatan dirinya sebagai disiplin keilmuan jika konsepnya jelas. Tamadun Islam yang dilihat bukanlah sejarah dari tamadun itu sendiri, akan tetapi tema-tema yang diangkat daripada tamadun ummat Islam. Maka dari situ, dapat dilihat sejauh mana kekuatan tamadun Islam dan luas dari ruang lingkupnya. Untuk mendalaminya harus ada proses dan pendekatan yang sesuai supaya tidak timbulnya kontradiksi antara pendekatan dan ruang lingkup Tamadun Islam.

---

<sup>18</sup> TM Usman El Muhammady, *Pembangunan Djawa-Negara dan Kebudajaan Islam, Kultuur, Politiek dan Sociologis*, (Djakarta:Pustaka Agus Salim,tt), hal. 13

## 2. Perumusan Masalah

- i. Apakah metode Pendidikan Tamadun Islam yang digunakan oleh para pengajar di sekolah-sekolah menengah di Kuching, Sarawak?
- ii. Sejauh manakah keberkesanan metode yang digunakan oleh pengajar di sekolah-sekolah menengah di Kuching, Sarawak?
- iii. Bagaimanakah metode-metode yang digunakan oleh para pelajar di sekolah-sekolah menengah di Kuching dalam memahami pelajaran Tamadun Islam?
- iv. Sejauh manakah pengaruh lingkungan (persekitaran) terhadap metode pembelajaran bagi para pelajar sekolah konvensional?
- v. Bagaimanakah pencapaian peperiksaan STPM bagi bahagian Tamadun Islam di sekolah-sekolah menengah di Kuching?

## C. Tujuan Penyelidikan

- i. Mencari dan menemukan suatu rumusan atau pola yang baru untuk :
  - a) Metode yang sesuai kepada para pengajar untuk memberikan kefahaman yang mudah kepada para pelajar

- dalam memahami pelajaran Tamadun Islam yang sesuai dengan tahap dan skop pemikiran mereka
- b) Memberikan metode yang sesuai kepada para pelajar untuk memahami persoalan Tamadun Islam sama ada di dalam mahupun di luar kelas.
  - ii. Melihat perubahan masyarakat mempengaruhi proses pemikiran para pelajar dalam konteks memahami persoalan tentang metodologi pendidikan Tamadun Islam.

#### D. Sumber Data

Kajian sosio masyarakat mempunyai kaitan dengan data perpustakaan (hubung kait dengan kerangka teoretik dan metodologi) dan data lapangan (aplikasi dari teori yang dikemukakan) yang diperolehi dari wawancara, soal selidik, sampling(rambang) dan sebagainya. Dari kedua-dua sumber tersebut boleh dibahagikan kepada :

- i. Sumber Primer- sumber pertama yang mendekati kepada persoalan yang timbul, baik dari pelaku peristiwa, responden dan sebagainya.
- ii. Sumber Sekunder- sumber yang digunakan dari sumber primer yang telah digunakan oleh orang lain dalam tulisan baik dianalisis mahupun dalam bentuk lain. Ia juga merupakan sumber kedua.

Data-data yang ditemukan dari sumber-sumber tersebut tidak relevan kalau tidak mengalami sebuah proses sebagaimana yang disebut oleh sejarawan, Kuntowijoyo (1994) iaitu empat(4) tahapan<sup>19</sup>:

1. Heuristik- Memperolehi data-data yang bersangkut paut dengan kajian. Kemudiannya dari sumber data tersebut dipilih sesuai dengan kategorinya supaya relevan dengan kajian
2. Kritik- Kritik terbahagi kepada dua iaitu:
  - a. Kritik Internal- membuat kritikan terhadap isi,tahun, tulisan dan sebagainya dalam teks tersebut
  - b. Kritik Eksternal- membuat penilaian luaran terhadap kertas yang digunakan, cap air (*water mark*), usia kertas, tahun dan sebagainya. Ini untuk memastikan kesesuaian terhadap kertas yang sezaman dengan berlakunya peristiwa tersebut
3. Interpretasi- membuat suatu analisa yang terperinci dan mendalam terhadap fakta yang diketemukan berdasarkan beberapa pendekatan yang digunakan
4. Historiografi- Proses penulisan kajian. Pendekatan-pendekatan harus digunakan sama ada ia berbentuk pendekatan multi disipliner, komparatif dan sebagainya.

## E. Susunan Penulisan

### BAB 1 PENDAHULUAN

- A. Latar Belakang Masalah
- B. Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah
- C. Tujuan Penyelidikan
- D. Sumber data
- E. Susunan Penulisan

### BAB 2 KERANGKA TEORETIK

- A. Pendahuluan
- B. Konsep dan Budaya Ilmu
- C. Metodologi Pendidikan/ Pengajaran (Pedagogi)  
    Tamadun Islam
- D. Sosiologi Pendidikan
- E. Pengaruh Lingkungan Dalam Metodologi Pendidikan/  
    Pengajaran (Pedagogi)
- F. Ruang Lingkup Kertas Sejarah I dan II Peringkat STPM

### BAB 3 METODOLOGI

- A. Pengenalan
- B. Objektif
- C. Metode Pengumpulan Data
  - i. Metode Soal Selidik

---

<sup>19</sup> Kuntowijoyo, *Pengantar Ilmu Sejarah*, (Yogyakarta: Tiara Wacana Yogyakarta, 1994) hal. 54

- ii. Metode Wawancara
  - iii. Metode Persampelan
  - iv. Metode Kajian Kes
  - v. Metode Pengamatan
  - vi. Metode Kajian Perpustakaan
- D. Metode Penulisan
  - E. Metode Analisis Data

**BAB 4 LAPORAN DAN ANALISIS DATA**

- A. Laporan
- B. Analisis Data

**BAB 5 PENUTUP**

- A. Kesimpulan
- B. Sararan